



SIARAN MEDIA

PRESS RELEASE

MELESTARI INOVASI, MEREALISASI TRANSFORMASI

Johor Bahru, 4 Disember 2014 – Penyampaian perkhidmatan awam yang berpaksikan kreativiti dan inovasi amat dituntut dalam menghadapi cabaran yang semakin kompleks. Menggalas amanah yang besar ini, budaya kreativiti dan inovasi yang telah dipupuk dalam kalangan penjawat awam melalui Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) perlu diteruskan demi kelangsungan perkhidmatan. Selaras dengan itu, Konvensyen KIK Perkhidmatan Awam Peringkat Kebangsaan ke-31 pada tahun ini yang bertemakan “Melestari Inovasi, Merealisisi Transformasi” telah berlangsung di Hotel Renaissance, Johor Bahru pada 1 hingga 4 Disember 2014. Majlis Penyampaian Anugerah KIK Perkhidmatan Awam Peringkat Kebangsaan ke-31 ini telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam mewakili YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara. Turut hadir ialah YBhg. Dato’ Dr. Mazlan Yusoff, Pengarah INTAN dan YBhg. Datuk Wira Omar Kaseh, Ketua Pengarah MAMPU. Penganjuran konvensyen tersebut merupakan hasil paduan kerjasama Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kerajaan Negeri Johor.

KIK merupakan satu mekanisme berstruktur digunakan untuk mendorong dan menggalakkan budaya kreativiti dan inovasi dalam sesebuah organisasi. KIK juga merupakan wahana bagi penjawat awam mencari kaedah baharu dalam merungkai permasalahan yang dihadapi dalam proses kerja seharian. Dalam hal ini, konvensyen KIK yang diadakan ini turut bertindak platform untuk mengiktiraf dan menghargai usaha-usaha penjawat awam yang terus menerus melaksanakan pemugaran dan pengislahan dalam perkhidmatan awam demi menjayakan Agenda Transformasi Negara.

Pada tahun ini, sebanyak 53 kumpulan telah menyertai konvensyen ini dan berentap dalam memberikan persembahan terbaik. Daripada jumlah ini, 25 kumpulan mewakili Negeri yang masing-masing terdiri daripada 13 kumpulan bagi kategori pengurusan dan 12 kumpulan bagi kategori teknikal. Manakala, 28 kumpulan pula mewakili Kementerian yang terdiri daripada 15 kumpulan bagi kategori pengurusan dan 13 kumpulan bagi kategori teknikal.

Sebanyak enam (6) anugerah dipertandingkan dalam konvensyen ini iaitu:

- Anugerah Ketua Setiausaha Negara - (Wang Tunai RM10,000.00, Piala Pusingan dan Piala Iringan serta Sijil)
- Anugerah Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam - (Wang Tunai RM7,500.00, Piala Iringan dan Sijil)
- Anugerah Ketua Pengarah MAMPU - (Wang Tunai RM 5,000.00, Piala Iringan dan Sijil)
- Anugerah Setiausaha Kerajaan Negeri (Persembahan Terbaik) - (Wang Tunai RM2,000.00, Piala Iringan dan Sijil)
- Anugerah Pengarah INTAN (Pameran Terbaik) - (Wang Tunai RM2,000.00, Piala Iringan dan Sijil)
- Anugerah 1 Inovasi (Piala Pusingan dari *Malaysian Association of Creativity & Innovation* - MACRI)

Buat julung-julung kalinya dua (2) anugerah baharu telah diperkenalkan pada tahun ini. Anugerah-anugerah tersebut adalah:

- **Anugerah Hybrid** – (Wang Tunai RM 10,000.00, Piala Iringan dan Sijil)

Anugerah Hybrid merupakan anugerah yang diberikan kepada projek KIK yang melibatkan dua (2) atau lebih organisasi yang bergabung dalam pelaksanaan projek KIK. Sebanyak 4 kumpulan KIK yang mengambil bahagian di bawah kategori ini iaitu:-

- Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan Gabungan Pengilang Tembakau Malaysia
- Majlis Perbandaran Kuantan dan Komuniti Rukun Tetangga Taman Berjaya Permai, Kuantan

- Kementerian Wilayah Persekutuan dan Perbadanan Putrajaya
- Lembaga Lebuh Raya Malaysia bersama salah satu syarikat konsesinya iaitu ANIH Bhd.

- **Anugerah Mentor KIK – (Sijil)**

Anugerah Mentor KIK Perkhidmatan Awam pula merupakan penghargaan dan pengiktirafan yang diberikan kepada individu-individu yang telah berjasa membantu dan membimbing kumpulan/organisasi dalam penubuhan dan pelaksanaan projek KIK.

Sehingga kini, sebanyak 10 projek KIK dilapor telah berjaya dipatenkan. YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal seterusnya antara lain telah menggalakkan Kumpulan KIK yang belum memohon paten atau hak cipta daripada Perbadanan Harta Intelek Malaysia agar berbuat demikian demi melindungi harta intelek dan menjamin ketulenan produk daripada dicitlak. Tindakan ini juga diharap dapat membuka lembaran baharu inovasi perkhidmatan awam yang lebih gemilang dan asas kepada pengkomersialan produk yang berkualiti tinggi.

###

Unit Korporat dan Antarabangsa
Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Tel: 03 2084 7205
Emel: korporat@intanbk.intan.my

4 Disember 2014